

# WANITA DALAM CERPEN *WADAH* 1986-1990: SUATU PERSPEKTIF FEMINIS

## WOMEN IN *WADAH* SHORT STORIES 1986-1990: A FEMINIST PERSPECTIVE

Norsuhaila Sulaiman<sup>1\*</sup>  
Asmiaty Amat<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia

*norsuhaila@ums.edu.my*<sup>\*</sup>

Dihantar/Received: 02 October 2023 | Penambahbaikan/Revised: 22 November 2023

Diterima/Accepted: 28 November 2023 | Terbit/Published: 20 December 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v1i3i2.4744>

---

### ABSTRAK

Perutusan cerpen yang memmanifestasikan kehidupan manusia menerusi tema, plot, latar, sudut pandangan, watak dan perwatakan. Unsur intrinsik cerpen seperti watak dan perwatakan berperanan penting merakamkan pemikiran, sesuai dengan peredaran zaman. Seiring itu, watak dan perwatakan wanita seringkali menjadi watak utama terutama dalam karya yang ditulis oleh pengarang wanita. Watak wanita ditampilkan mengikut kesesuaian dan fokus yang diinginkan pengarang. Watak wanita dalam cerpen diwakili wanita berkerjaya, ibu, isteri atau gadis yang menuntut cabaran selari dengan budaya hidup. Tulisan ini adalah kajian terhadap watak wanita yang diketengahkan dalam cerpen khususnya dalam koleksi *Wadah* yang diterbitkan pada tahun 1986-1990 oleh Dewan Bahasa Pustaka cawangan Sabah. Analisis watak gadis difokuskan kepada empat cerpen *Wadah* terpilih yang dihasilkan oleh penulis Sabah. Antaranya, cerpen 'Perempuan Tua' (Oktober 1986) oleh Sitti Rahmah atau Intan Sitti Azierah G, cerpen 'Perhitungan' (Mac/Jan 1989) oleh Maznah Sulaiman, cerpen 'Serelung Hati Sang Sutradara' (Mac 1990) oleh Sairah Haji Antin, dan cerpen 'Hantaran' (September 1990) oleh Siti Faridah Bandar. Kajian ini mengaplikasikan perspektif feminis oleh Cheri Register, dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Dapatan kajian memperlihatkan watak dan perwatakan seorang gadis yang berani sebagai pemaparan wanita peribumi sebelum millenia.

*Kata kunci:* Cerpen, feminis, wanita Sabah, *Wadah*

### ABSTRACT

*Life is manifested in short stories through the themes, plots, settings, point of view, and characters in a short story. Intrinsic elements of short stories such as characters play an important role in recording the reflections of the time. This is especially true of female characters as protagonists, especially in works written by female authors themselves. Female characters in short stories are represented by career women, mothers, wives, or girls who face challenges above and beyond the expectations of their gender. This article is a study of the female characters featured in short stories, especially in the *Wadah* collection published in 1986-1990 by the Sabah branch of Dewan Bahasa Pustaka. The analysis of female characters is focused on four selected *Wadah* short stories written by Sabah female writers. Among them*

are the short story 'Old Woman' (October 1986) by Sitti Rahmah or Intan Sitti Azierah G, the short story 'Perhitungan' (March/June 1989) by Maznah Sulaiman, 'Sere lung Hati Sang Sutradara' (March 1990) by Sairah Haji Antin, and the short story 'Hantaran' (September 1990) by Siti Faridah Bandar. This study applies a feminist perspective by Cheri Register to analyze the female characters who negotiate the angst of their roles as mothers, wives, and daughters in a predominantly male-orientated local society. The findings highlight the subtle rebellion, retaliation, and repression displayed by the indigenous female character even before millennia which attests to the rise of or presence of female consciousness among the local indigenous females.

*Keywords: Short stories, feminists, Sabah women, Wadah*

## PENGENALAN

Karya sastra begitu akrab dengan zaman, masyarakat dan persekitaran tanpa mengira batas masa (Zaen Kasturi, 2023). Cerpen atau dikenali sebagai 'short story' merupakan naratif kreatif yang sangat popular kerana bentuknya yang ringkas, padat dan boleh dibaca dalam masa yang singkat (Othman Puteh 1991; Lim Swee Tim 2015). Oleh sedemikian, cerpen telah dibahagikan mengikut kategori *subgenre*, iaitu cerita pendek, cereka imbasan, cereka mikro, cerpan (cerita panjang) dan cermin (cerita mini) disebabkan perbezaan bilangan patah perkataan (Mawar Safei, 2014).

Pada awalnya, Nor bin Ismail atau nama pena "Madrasi" dengan menghasilkan tulisan berjudul 'Kecelakaan Pemas' telah diterbitkan pada 4 Februari 1920 menerusi majalah *Pengasuh* (Othman Puteh, 1995) yang juga dikenali sebagai cereka rekaan (Li Chuan Siu, 1986). Sejak itu, perkembangan penulisan cerita mula mendapat perhatian daripada barisan penulis sebelum dan selepas perang Dunia Kedua seperti Keris Mas, Kassim Ahmad, Azizi Haji Abdullah, Wancik Abdullah, Siti Aishah, Hasnah Jaafar, Salmi Manja, Khadijah Hashim dan Fatimah Busu (Rosnah Baharudin, 2003). Penulisan cerpen telah menjadi platform pengarang menyatakan perasaan, kritikan dan sindiran kepada pihak penjajah atau golongan atasan. Boleh dikatakan, cerpen menjadi alat yang berkesan untuk membuat teguran dan kesedaran dalam kalangan masyarakat memandangkan latar belakang pengarang yang terdiri daripada golongan guru dan wartawan.

Penulisan cerpen di Sabah pula diperkenalkan oleh seorang guru yang dikenali sebagai Bismal Yusof. Beliau telah menghasilkan sebuah cerpen bertajuk 'Kehilangan Ayah & Ibu' terbitan akhbar *North Borneo News* dan *Sabah Times* pada 26 Jun 1954 (Zahba Selamat, et.al, 1989). Walau bagaimanapun, Ungku Maimunah menyatakan bahawa Teruna Lara Sandakan yang menulis cerita 'Kak Siti Janda Muda' dikatakan sebagai pelopor cerpen pertama di Sabah (Asmiaty Amat, 2019). Biarpun terdapat percanggahan pendapat dalam kalangan pengkaji mengenai pelopor cerpen di Sabah, kegiatan penulisan cerpen juga mendapat perhatian dalam kalangan penulis. Perkara ini dapat dilihat apabila Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sabah (DBPCS) telah ditubuhkan pada tahun 1977. Tambahan pula, keberadaan DBPCS adalah sejajar dengan matlamatnya dalam usaha mempergiatkan perkembangan sastra. Aktiviti yang dilakukan oleh pihak DBPCS ialah bengkel mengasah bakat penulis muda, sesi pertemuan bersama penulis mapan, program anak angkat, bengkel penulisan karya kreatif termasuklah menerusi ruangan akhbar tempatan Sabah seperti Utusan Borneo, Sabah Times serta majalah DBPCS, iaitu *Wadah* dan *Jendela Sabah* (Norsuhaila Sulaiman, 2021).

Penerbitan majalah *Wadah* yang pertama pada Oktober 1986 mengangkat karya kreatif penulis Sabah dalam kalangan penulis etnik (Aminah Awang Basar, 2023). Sumbangan penulis

cerpen di Sabah juga terdiri daripada penulis wanita yang kebanyakannya mengangkat peranan wanita dalam karya (Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad, 2015). Berdasarkan data *Wadah* pada tahun 1986-1990, antara penulis Sabah yang menyumbangkan cerpen ialah Azmah Nordin, Sitti Rahmah G. Ibrahim, Obasiah Hj Osman (Arnida H.O), Sairah Haji Antin, Jaliha Jaman, Mohd Safri, A. Saifuddin, Saidah Suman, Enna Gambur, Mahmud Eddie, Harun Haji Salleh, Sitti Hadiah Abd Mutalib, Maznah Sulaiman, Mohd Shukri Majalin, Rosnani Sablee dan Suzita Janaun (Norsuhaila Sulaiman, 2016). Dalam tempoh ini, isu yang dikemukakan oleh penulis berkisar mengenai cinta, adat, sumber pendapatan dan agama (Norsuhaila Sulaiman, 2016). Rentetan itu, watak dan perwatakan gadis menjadi fokus perbincangan dalam kajian ini.


## PERNYATAAN MASALAH

Wanita ditampilkan daripada pelbagai sudut dalam karya kreatif seperti novel dan cerpen telah menjadi perbincangan dalam kalangan sarjana atau pengkaji seperti Rosnah Baharuddin, 1979; Siti Aishah Murad, 1992; Siti Hawa Salleh, 1992; Zaiton Ajamain & Mariam Omar, 2000 *dlm.* Ahmad Kamal Abdullah et al., 2000; Hajijah Jais, 2000; Asmiaty Amat 2019 dan Norhayati Ab. Rahman, 2020). Perkara ini menunjukkan bahawa perhatian terhadap wanita dalam realiti kehidupan menjadi perutusan dalam naratif. Kedudukan wanita dalam masyarakat dapat dilihat berperanan sebagai nenek, ibu, isteri dan anak gadis. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan kepada watak dan perwatakan gadis yang tampil membangkitkan suara, hasrat dan impian bagi menegakkan prinsip dalam kehidupan dengan mengharungi pelbagai gejala emosi. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti dan menganalisa watak dan perwatakan wanita Sabah dalam cerpen-cerpen *Wadah* 1986-1990 dari perspektif feminis yang menjadi platform perkongsian pengalaman dari kaca mata watak anak gadis.

## METODOLOGI

Ungkapan perihal wanita dapat dilihat menerusi pemaparan watak dan perwatakan. Watak, tokoh atau pelaku merupakan figura dalam naratif terdiri daripada manusia, binatang atau tumbuhan (Othman Puteh, 1993) mewakili watak utama, protagonis, antagonis dan sampingan yang digerakkan melalui sudut pandangan orang pertama atau ketiga berupaya memberi kesan dalam pembawaan cerita. Perwatakan pula adalah tindakan atau perbuatan watak yang dapat dikesan melalui ekspresi perasaan atau corak pemikiran berasaskan hukum logik dan sesuai (Jais Sahok, 2008). Kajian terhadap empat teks cerpen *Wadah* 1986-1990 yang terpilih menggunakan kajian tekstual dengan mengaplikasikan kritikan feminis Cheri Register (1989). Kritikan feminis merangkumi kajian terhadap imej wanita dalam karya sastera yang dihasilkan oleh penulis lelaki, penelitian daripada pengarang wanita serta kritikan perspektif berupaya dikembangkan menjadi satu set 'peraturan' penilaian karya berdasarkan pendekatan feminis. Bagi Cheri Register, tumpuan kepada wanita juga turut melibatkan teks sebagai platform menengahkan isu wanita, menghubungkan persefahaman budaya wanita-lelaki, menjadi acuan contoh, mengeratkan pertalian hubungan wanita dan membawa kesedaran kepada khalayak. Walau bagaimanapun, kajian ini memilih satu aspek

kritikan feminis, iaitu teks sebagai platform mengetengahkan perihal wanita. Oleh itu, watak dan perwatakan anak gadis menerusi empat cerpen *Wadah* terpilih merupakan watak utama. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan untuk menganalisa watak dan perwatakan wanita.



**Rajah 1:** Konseptual feminis dalam cerpen *Wadah* 1986-1990

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini memilih empat (4) buah cerpen daripada 5 tahun pertama penerbitan *Wadah* pada 1986-1990 kerana ia memperlihatkan kedudukan dan pemikiran seorang wanita dalam komuniti masyarakat seperti yang disenaraikan menerusi jadual 1.

**Jadual 1:** Cerpen-cerpen *Wadah* 1986-1990

Bil.	Tajuk cerpen & Tahun	Nama Pengarang
1	Perempuan Tua (Oktober 1986)	Sitti Rahmah G. Ibrahim
2	Perhitungan (Mac/Jun 1989)	Maznah Sulaiman
3	Serelung Hati Sang Sutradara (Mac 1990)	Sairah Haji Antin
4	Hantaran (September 1990)	Siti Faridah Bandar

Berdasarkan jadual 1, perwakilan wanita yang terdapat dalam cerpen-cerpen pilihan adalah menjurus kepada watak dan perwatakan anak gadis dari kaca mata pengarang wanita. Dalam konteks ini, kehadiran watak dan perwatakan cerita yang diwakili oleh anak gadis tampil memperbetulkan ruang krisis yang dihadapi secara positif.

### Gadis yang Berani

Perutusan dalam sesebuah cerita membolehkan pengarang merekacipta watak dan perwatakan yang bersesuaian terhadap tindakan atau situasi yang dihadapi melalui aksi dan reaksi. Sejajar

dengan itu, penonjolan watak wanita yang memainkan peranan untuk mempertahankan hak. Dalam erti lain, defensif merujuk kepada sikap mempertahankan pandangan atau hak (Kamus Dewan Perdana, 2020). Sikap defensif seorang gadis diungkapkan menerusi cerpen ‘Perempuan Tua’, ‘Perasaan’, ‘Perhitungan’ dan ‘Hantaran’. Ketiga-tiga cerpen tersebut melakarkan hasrat atau impian seorang gadis dalam membuat sesuatu keputusan. Sejalan dengan kritikan feminis Cheri Register, karya sastera merupakan platform perbincangan perihal wanita dari hati ke hati berdasarkan nilai kehidupan berdasarkan sudut pandang seorang wanita. Cerpen ‘Perempuan Tua’ (Oktober 1986) karya Sitti Rahmah G. Ibrahim memperkenalkan watak anak gadis dengan panggilan “Aku” yang dipertemukan dengan seorang perempuan tua di sebuah hospital. Luahan perempuan tua mengenai ketidakmampuan membayar bil hospital anaknya telah menyentuh perasaan “Aku”. Pada masa yang sama, pengarang memperlihatkan sikap sosial “Aku” sebagai golongan muda yang lantang menyuarakan pendapat melalui petikan berikut:

*‘Pembayaran yang dikenakan adalah untuk kebaikan kita juga, mak cik... Untuk mengukuhkan ekonomi dan pembangunan. Kita tak boleh salahkan sesiapa. Saya rasa hidup kita di sini sungguh beruntung.’ (Oktober 1986: 18)*

Pendapat tersebut ditentang oleh seorang wanita muda. Bagi mencapai kata sepakat suara wanita, wanita muda tersebut memberi penekanan dan saranan kepada “Aku” seharusnya berani berjuang dan menegakkan keadilan untuk perempuan tua seperti ungkapan berikut:

*“Belalah nasib masyarakat seperti perempuan tua tadi. Dedahkan masalah mereka dalam karyamu.” (Oktober 1986: 19).*

Berdasarkan petikan tersebut, penegasan daripada wanita muda telah memberi refleksi kepada watak “aku” bahawa seorang wanita seharusnya memahami perasaan golongan wanita lain. Perkara ini juga ditegaskan dalam prinsip feminis Register, iaitu persefakatan dan persefahaman antara wanita terhadap wanita lain. Di samping itu, secara tersirat suara pengarang adalah memberi penekanan kepentingan pendidikan berupaya mengubah taraf kehidupan. Sehubungan itu, “Aku” menjadi perantara suara wanita dalam mengetengahkan nilai kemanusiaan dalam komuniti masyarakat.

Dalam cerpen ‘Perhitungan’ (Mac/Jun) karya Maznah Sulaiman, Ema merupakan watak utama yang berdepan dengan soal jodoh. Dalam situasi tersebut, ibu dan ayahnya bercadang untuk menjodohkan Ema dengan abang iparnya (Mus) setelah kakaknya meninggal dunia semasa melahirkan anak kedua. Dalam erti lain, mengikut adat lama peribahasa ia disebut sebagai “ganti tikar”. Tambahan pula, Ema mengambil tanggungjawab menjaga dua orang anak buahnya dengan penuh kasih sayang seperti seorang ibu. Walau bagaimanapun, Ema tidak bersetuju dengan cadangan ibu dan ayahnya kerana Ema menganggap Mus seperti abang kandung. Oleh itu, Ema telah duduk bersemuka dengan ibunya dengan memberi penegasan seperti berikut:

*“Ema faham, bu. Tapi hati Ema tidak boleh dipaksa menerimanya.” (Mac/Jun 1989: 29).*

Petikan menunjukkan suara Ema mewakili platform untuk membincangkan perihal wanita antara wanita secara jujur seperti penekanan Cheri Register. Secara jujur, Ema telah mengambil keputusan yang memaparkan gadis juga amat mementingkan kebahagiaan dalam menentukan kehidupannya. Pembicaraan jujur antara wanita dapat dilihat apabila Ema membuat pengakuan perasaannya terhadap Yus setelah berjumpa dengan sahabat baiknya, Tie dalam petikan berikut:

*“Aku sudah jatuh hati dengan seseorang, tapi lebih muda daripada aku”  
(Mac/Jun 1989:31)*

Situasi tersebut menunjukkan peranan teks sastera menjadi medan untuk wanita berdiskusi dari hati ke hati. Begitu juga, apabila Ti turut menyokong Ema membuat keputusan yang matang dalam pemilihan jodoh menerusi ungkapan berikut:

*“Pilihlah orang yang boleh membahagiakan Ema. Aku ni tahu cakap saja.  
Aku pun belum tahun masa depanku.” (Mac/Jun 1989: 31)*

Dalam konteks feminis, ia membolehkan pengarang menyuarakan pandangan secara terbuka dari kaca mata seorang wanita. Sekali gus, menunjukkan wanita tidak lagi terikat dengan kongkongan adat tradisi.

Pemaparan watak dan perwatakan anak gadis yang mempunyai kesedaran dan semangat dalam menuntut ilmu ditemui menerusi cerpen ‘Serelung Hati Sang Sutradara’(Mac 1990) tulisan Sairah Hj Antin. Cerita ini mengisahkan seorang gadis atau “Aku” masih menuntut ilmu di negara Indonesia demi merealisasikan cita-cita sebagai seorang anak seni. Atas dasar minat dan kecintaan terhadap ilmu, “Aku” telah mengetepikan fitrah sebagai seorang wanita untuk berumah tangga, iaitu;

*“Sudah lima tahun bertunangan tapi belum lagi bernikah kerana alasan yang berasingan dijadikan satu. Dia calon doktor sedangkan aku seorang seniman muda.” (Mac 1990:9)*

Petikan menunjukkan watak “Aku” sebagai seorang gadis ‘modenis’ kerana beranggapan faktor usia bukan penghalang mempunyai pendidikan tinggi dan juga berkerjaya. Sesuai dengan kritikan feminis yang mengangkat teks sebagai medan wanita bersuara mengikut persepsi wanita tanpa campur tangan lelaki. Jelaslah, teks cerpen memberikan peluang kepada wanita untuk berani bersuara, memperjuangkan kedudukan dan martabat golongannya. Ciptaan watak “Aku” merupakan perubahan watak daripada gadis yang disesuaikan dengan konteks perkembangan zaman.

Berdasarkan kritikan feminis, teks cerpen seharusnya membawakan suara wanita termasuklah perihal pengalaman wanita berdasarkan sisi pandang wanita. Cerpen ‘Hantaran’ (September 1990) oleh Siti Faridah Bandar menghadirkan kisah Kakak yang bakal melangsungkan perkahwinan dengan abang Asman. Cerita ini menunjukkan kemarahan kakak kerana berasa malu apabila diejek oleh anak-anak jiran. Emosi kakak tidak dapat dikawal lagi seperti situasi berikut:

*Kurang ajar! Datang ke sini. Kalau kau anak jantan! Kurang ajar!  
Biadap!!” Berang kakak memuncak lagi petang itu. entahlah, sejak*

*kebelakangan ini, kakak memang mudah naik darah. Ejekan-ejekan anak jiran di sebelah rumah membuatkan kakak berasa cukup terhina". (September 1990: 6)*

Sebagai bakal pengantin, kakak sangat teruja sehingga membuat keputusan hantaran tanpa membuat perbincangan dengan Abang Asman. Perbincangan semula mengenai hantaran antara kakak dengan abang Asman tidak menemui titik penyelesaian kerana sikap kakak yang tidak mahu bertolak ansur. Situasi ini digambarkan menerusi petikan berikut:

*"Kalau boleh, hantaran itu, wang hantaran tujuh ribu ringgit, sepasang kain songket dan seekor lembu." Luah kakak tanpa segan silu lagi." (1990: 6)*

Teks cerpen menjadi suara wanita mengetengahkan pendapat daripada sudut pandang wanita seperti yang dikatakan oleh Cheri Register, keberanian dan keyakinan kakak mengenai hantaran turut dipersetujui oleh emak. Sebaliknya, majlis perkahwinan kakak terpaksa dibatalkan kerana sikap kakak yang enggan bertoleransi dan secara sinis menyuarakan ketidakpuasannya terhadap abang Asman seperti berikut:

*"Kenapa, tak mampu?" kakak benar-benar mencabar kelakian abang Asman. Kakak ketawa kecil, seolah-olah mehu mengejek, menambah sakit hati abang Asman." (September, 1990: 7)*

Tindakan Abang Asman memutuskan untuk tidak meneruskan perkahwinan menyebabkan kakak kecewa. Sejak peristiwa itu, watak dan perwatakan kakak telah berubah menjadi seorang yang pendiam dan fobia apabila berkaitan dengan soal jodoh. Menerusi cerita ini, pengarang menggalurkan watak dan perwatakan kakak merupakan cerminan peristiwa yang berlaku dalam masyarakat untuk dijadikan pengajaran.

## KESIMPULAN

Pengisahan berkenaan wanita muda menerusi lima buah cerpen *Wadah* terpilih telah menyerlahkan unsur feminis apabila teks cerpen telah mengangkat suara wanita dalam membicarakan perihal pengalaman dan emosi wanita. Meskipun begitu, penampilan watak anak gadis sebagai watak utama bergelut dengan cabaran telah menunjukkan bahawa teks cerpen berfungsi sebagai perantaraan isu yang berkaitan wanita dilakarkan mengikut pandangan wanita. Contohnya, watak "Aku" (cerpen 'Perempuan Tua' dan 'Serelung Hati Sang Sutradara), Kakak (cerpen 'Hantaran') dan Ema (cerpen 'Perhitungan) memperlihatkan sisi perjuangan yang selari dengan mengangkat martabat wanita kesan pengaruh latar belakang pendidikan dan latar sosial. Secara keseluruhan, teks cerpen yang menjadi pembicaraan isu wanita telah memperlihatkan prinsip dan pendirian wanita juga perlu dihormati.

## RUJUKAN

- Ahmad Kamal Abdullah & Siti Aisah Murad. (2000). *Citra Wanita dalam Sastera Melayu 1930-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Karim Kadir. *Wadah*. Disember 1988. 'Kuriding dan Gadis di Jendela'. Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminah Awang Basar. (2023). *Sastera Lestari, Sabah Madani: Membina dan Mengembangkan Sastera di Sabah Melalui Penerbitan Majalah*. Kertas Kerja Hari Sastera ke-19. Kota Kinabalu.
- Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2015). Sumbangan Penulis Wanita dalam Sejarah Penulisan kreatif di Sabah. *Gendang Alam*. Jilid 5. Hal 24-38.
- Asmiaty Amat. (2019). *Mediasi dalam Perkembangan Novel Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Burhan Nurgiyantoro. (1995). *Teori Pengkajian Fiksi*. Yogyakarta: Gajah Mada Universiti Press.
- Hajijah Jais. (2000). *Citra Wanita Berbilang Kaum dalam Cerpen Penulis Sarawak Tahun 1990-2000*. Kertas Kerja Perhimpunan Penulis Berbilang Kaum Sarawak. Kuching. 4-5 Julai. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sarawak.
- Jais Sahok. (2008). *Penulisan Cereka Cerpen Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Josephine Donovan. (1989). *Feminist Literary: Explorations in Theory*. Lexington: The University of Kentucky.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Li Chuan Siu. (1986). *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden 1945-1965*. Kuala Lumpur: Loyal Press Sdn. Bhd. Penerbit Pustaka Antara.
- Lim Swee Tim. (2015). *Panduan Penulisan Berkesan Menggarap Cerpen Berbantuan Teori & Kaedah*. Kuala Lumpur: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (2005). *Teori Sastera Kontemporari*. Bangi: Selangor. Penerbit Pustaka Karya.
- Mawar Safei. (2014). *Inilah Karangan Saya: Narasi Penciptaan Cerpen*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maznah Sulaiman. *Wadah*. Mac/Jan 1989. 'Perhitungan'. Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhayati Ab. Rahman. (2020). Pemartabatan Wanita dalam Novel Matriark dari Perspektif Feminis oleh Cheri Register. *Malay Literature*, 33 (1), 99-122.
- Norsuhaila Sulaiman. (2016). *Cerpen-cerpen WADAH 1986-2013: Satu Analisis Struktural*. Tesis Sarjana. Kota Kinabalu: Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.
- Obasiah Omar. *Wadah*. September 1987. 'Perasaan'. Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (1991). *Persediaan Menulis Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (1995). *Pengisian Dunia Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rosnah Baharuddin. (1979). *Peranan dan Kedudukan Wanita Malaysia antara 1957-75, Berdasarkan Novel-novel oleh Novelis Melayu*. Tesis. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2001). Azmah Nordin dan Awangku Merali: Cerpenis Generasi Baru. Kertas Kerja Kolokium Kesusasteraan Melayu Moden V. Port Dickson. 8-10 Mei. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (2003). *Wacana Wanita Melayu dan Sastera*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sairah Haji Antin. *Wadah*. Mac 1990. 'Serelung Hati Sang Sutradara'. Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Aishah Murad. *Dewan Sastera*. Mac & April 1992. 'Cerpen Berimej Wanita dalam Dewan Sastera'. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Salleh. *Dewan Sastera*. Mac 1992. 'Pengaruh Citra Wanita dalam Sastera Tradisional Terhadap Sastera Moden'. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sitti Rahmah G. Ibrahim. *Wadah*. Oktober 1986. 'Perempuan Tua'. Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Faridah Bandar. *Wadah*. September 1990. 'Hantaran'. Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusmilawati Yunos. (2020). Wanita dan Cinta dalam Kumpulan Cerpen Masitah. *Jurnal Melayu*, Bil.19 (2), 306-320.
- Zaem Kasturi. *Dewan Sastera*. (2023). 'Menyemarakkan "Hubungan Mesra" Sastera-Budaya. Bil.4.
- Zahba Selamat, Ismail Ibrahim & Rohayah Abdul Hamid. (1989). *Perkembangan Cerpen di Sabah*. Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka.